

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]
TARIKH : 26 OKTOBER 2015
SOALAN :**

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- a) jumlah pesakit yang meninggal dunia akibat jangkitan pneumokokal bagi lima tahun yang lalu; dan
- b) kos memasukkan vaksin pneumokokal menjadi sebahagian daripada Program Imunisasi Kebangsaan, dan mengapa Malaysia masih belum memperkenalkan vaksin pneumokokal ini bilamana begitu banyak negara lain telah berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mempertimbangkan keperluan pemberian vaksin pneumokokal kepada kanak-kanak semenjak tahun 2010. Namun ia masih belum dimasukkan ke dalam Jadual Imunisasi Kanak-kanak Kebangsaan. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyarankan negara melaksanakan pemberian vaksin

ini sekiranya kadar kematian kanak-kanak bawah lima (5) tahun melebihi 50 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup sedangkan di Malaysia kadarnya hanyalah sekitar 8.1 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup.

Penyakit pneumokokal pneumonia tidak termasuk dalam senarai penyakit yang perlu dinotifikasi di bawah Akta Penyakit Berjangkit 1988. Pemantauan penyakit ini hanya berdasarkan maklumat kemasukan pesakit ke hospital dan discaj mengikut Klasifikasi ICD-10 (semua jenis pneumonia). Bagi tahun 2009 sebanyak 10,503 kes kanak-kanak berumur bawah lima (5) tahun telah didiagnosa. Bilangan kes meningkat kepada 12,162 pada tahun 2010, sebanyak 12,792 pada 2011, menurun kepada 10,041 kes pada tahun 2012 dan sebanyak 10,323 pada 2013. Bilangan kematian usia bawah lima (5) tahun pada 2014 adalah sebanyak 4,787. Di mana 116 kes penyebab kematian dikategorikan sebagai masalah respiratori.

Bagi memasukkan pelalian pneumokokal ke dalam Jadual Imunisasi Kanak-Kanak Kebangsaan, kementerian memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM80 juta dan ia bersamaan dengan kos semasa bagi pemberian vaksin untuk melindungi kanak-kanak dari jangkitan 10 jenis penyakit cegahan vaksin. Kajian keberkesanan kos menggunakan data epidemiologi dan keberkesanan vaksin berdasarkan data tempatan diperlukan.

Pemberian vaksin akan memberi impak yang besar hanya sekiranya ia mempunyai padanan yang tinggi dengan jenis serotaip yang kerap menyebabkan jangkitan penyakit ini di Malaysia. Institut Penyelidikan Perubatan telah memulakan surveilan serotaip bakteria *Streptococcus pneumoniae* yang diperolehi dari hospital seluruh Malaysia bagi menentukan jenis yang paling biasa.

Pada masa ini vaksin pneumokokal ini telah berdaftar di Malaysia dan boleh diperolehi di klinik dan hospital swasta.